

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : PUAN ALICE LAU KIONG YIENG [ LANANG ]**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan jumlah subsidi yang telah disalurkan untuk penerbangan MASwings sejak ia mula beroperasi di Sarawak dan senaraikan pecahan subsidi untuk setiap tahun sehingga 2019 dan anggaran untuk tahun 2020 memandangkan sektor penerbangan terjejas susulan impak COVID-19.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jumlah subsidi yang disalurkan kepada MASwings untuk setiap tahun sejak Kerajaan menandatangani kontrak dengan MASwings bagi menyediakan perkhidmatan udara ke kawasan terpencil di Sabah dan Sarawak yang merangkumi kos operasi menyediakan perkhidmatan udara luar bandar (*Rural Air Services – RAS*) dan sewa pajakan pesawat yang digunakan untuk perkhidmatan ini bagi tempoh 2007 hingga 2019 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Subsidi</b>
1.	2007	RM18,156,536.55 (bagi bulan Oktober hingga Disember)
2.	2008	RM88,685,266.25
3.	2009	RM106,938,577.40
4.	2010	RM128,069,628.41
5.	2011	RM118,033,628.22
6.	2012	RM114,491,239.04
7.	2013	RM140,317,095.07
8.	2014	RM160,921,177.63
9.	2015	RM153,260,116.82
10.	2016	RM178,561,946.27
11.	2017	RM198,121,651.10
12.	2018	RM185,106,338.85
13.	2019	RM240,135,278.36
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>RM1,830,798,479.97</b>

2. Daripada jumlah tersebut, sebanyak **RM503,480,380.00** telah disalurkan untuk operasi laluan-laluan *internal* Sarawak (tidak termasuk

bayaran sewaan pesawat). Pecahan subsidi untuk Sarawak (*internal*) mulai tahun 2008 hingga 2019 adalah seperti berikut:

<b>Bil.</b>	<b>Tahun</b>	<b>Jumlah Subsidi (Sarawak)</b>
1.	2008	RM30,395,919.00
2.	2009	RM17,652,634.00
3.	2010	RM17,735,482.00
4.	2011	RM21,419,696.00
5.	2012	RM28,434,138.00
6.	2013	RM60,136,164.00
7.	2014	RM42,816,222.00
8.	2015	RM44,818,282.00
9.	2016	RM36,928,586.00
10.	2017	RM50,941,229.00
11.	2018	RM57,027,880.00
12.	2019	RM95,174,149.00
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>RM503,480,381.00</b>

3. Selain itu, penularan pandemik COVID-19 di seluruh dunia juga memberi impak yang tinggi kepada perkhidmatan penerbangan yang disediakan oleh MASwings susulan Perintah Kawalan Pergerakan yang dilaksanakan di Malaysia. Antara kesan tersebut adalah berlaku pengurangan kekerapan penerbangan dan jumlah penumpang serta terpaksa memanjangkan tempoh sah tiket terbuka.

4. Dalam hal ini, Kerajaan masih belum dapat menganggarkan keseluruhan peruntukan subsidi bagi tahun 2020 memandangkan Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan yang masih berkuatkuasa.

Sekian, terima kasih.